

NAMA PELAJAR

NO. KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

TINGKATAN 5



JABATAN PENDIDIKAN SABAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2021

TASAWWUR ISLAM

Masa: 2 jam 30 minit)

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama**, **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A**. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. **Bahagian B** mengandungi 6 soalan. Jawab **empat** soalan sahaja. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.
6. Ikat kertas jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-20	20	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT dan bukan _____ manusia.
2. Hak _____ bermaksud hak-hak yang wajib diberikan kepada setiap individu seperti Pendidikan dan memberi pendapat.
3. Dalam sistem pentadbiran dan pengurusan pada zaman pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin, sesuatu dasar diputuskan melalui kaedah _____.
4. Antara etika tadbir urus pentadbir hendaklah sentiasa _____ iaitu elemen dan konsisten dalam menghasilkan impak yang cemerlang.

Soalan 5 hingga Soalan 8

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

5. Berserah kepada Allah SWT setelah berusaha dan yakin bahawa segala ketentuan baik daripada -Nya.
6. Perkara yang tidak dapat dilihat pada pandangan mata kasar dan diketahui melalui wahyu al-Quran dan al-Sunnah yang sahih.
7. Usaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah.
8. Orang yang keluar daripada agama Islam, sama ada melalui perbuatan, perkataan atau niat.

Soalan 9 hingga Soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

P	Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi selari dengan kehendak syariat.
Q	Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Jadual di atas berkaitan dengan maksud hamba dan khalifah.

9. P ialah _____.
10. Q ialah _____.

Soalan 11 hingga Soalan 12


Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan dengan berdasarkan jadual di bawah.

Prinsip-prinsip Negara Islam	Huraian
R	Membuat keputusan secara saksama bersumberkan al-Quran dan al-Hadis berdasarkan ketentuan akidah, Syariah dan akhlak.
Kebebasan	Khalifah perlu melindungi hak dan kebebasan individu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.
S	Setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan masing-masing.

11. R ialah _____.
12. S ialah _____.

Soalan 13 hingga Soalan 14

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul .




13. T ialah _____.

14. U ialah _____.

Soalan 15 hingga Soalan 16

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.



15. X ialah _____.

16. Y ialah _____.

Soalan 17 hingga Soalan 20.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

17. Pada peringkat mudghah, manusia ditiupkan roh dan mula hidup.

18 Al-Quran mengandungi 20 juzuk, 114 surah dan 6236 ayat.

19 Khulafa ar-Rasyidin diasaskan selepas kewafatan Rasulullah SAW.

20 Keistimewaan bekerja sendiri ialah tidak terikat dengan waktu dan tempat,

BAHAGIAN B**[80 markah]****Jawab empat soalan sahaja**

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan akidah? **[2 markah]**
- (ii) Jelaskan **dua** sifat mustahil bagi Rasul. **[2 markah]**
- SINDIKET penganjur pesta liar di kondominium menawarkan bayaran RM100 hingga RM200 bagi individu yang mahu mendapatkan keseronokan lebih 12 jam tanpa henti dengan mempromosikan kegiatan itu melalui aplikasi WeChat. Sindiket itu bukan saja menawarkan dadah, malah pesta berkenaan turut dibekalkan dengan arak dan bebas melakukan seks.
- <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/07/356100/68-kantoi-di-2-pesta-liar-metrotv>
- (iii) Berdasarkan petikan akbar di atas, mengapakah perkara tersebut berlaku dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini. **[6 markah]**
- (b) (i) Terangkan **dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam. **[4 markah]**
- (ii) Senaraikan **dua** jenis sistem ekonomi konvensional yang ditentukan oleh manusia dan tidak mempunyai piawaian yang mutlak. **[2 markah]**
- (c) Huraikan **dua** etika kerja dalam Islam. **[4 markah]**
- 2 (a) Firman Allah SWT yang bermaksud :
“ Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Dzikir (wahyu al-Quran) dan Kamilah yang akan menjaganya”.
 (Surah al-Hijr 15:9)
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan wahyu? **[2 markah]**
- (ii) Huraikan **dua** keistimewaan al-Quran. **[4 markah]**
- (b) Jelaskan **dua** kedudukan akal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. **[4 markah]**

- (c) Perundangan Islam bermaksud hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan.
- (i) Huraikan **dua** kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam. **[4 markah]**



(d)



- (i) Ramalkan jika perbuatan ini tidak dibendung dalam masyarakat kita pada hari ini. **[6 markah]**

- 3 (a) Islam amat mementingkan aspek hak asasi manusia.
- (i) Nyatakan maksud hak asasi manusia. **[2 markah]**
- (ii) Berikan **empat** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam. **[4 markah]**

- (b) *“Daripada Aisyah r.ha. katanya: Rasulullah SAW telah masuk menemui saya. Ketika itu dua orang jariah (hamba perempuan) sedang menyanyi-nyanyi (memperingati perang) Baath. Baginda (mendengar nyanyian) sambil berbaring ditempat baringku dan dipalingkan mukanya. (Tiba-tiba) masuk Abu Bakar r.a. serta mengherdik saya dengan katanya:” Serunai (mizmar) syaitan di sisi Nabi SAW”. Rasulullah SAW mengadap Abu Bakar r.a. seraya berkata “biarkan mereka menyanyi (tidak mengapa)”. Apabila keadaan Rasulullah SAW agak selesa dan leka, aku mengisyaratkan dengan mataku kepada dua penyanyi tadi. Maka mereka pun berhenti menyanyi dan keluar (meninggalkan kami),*
- (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)*
- (i) Berdasarkan petikan hadis di atas, nyatakan **dua** contoh hiburan yang dibenarkan dalam Islam. **[2 markah]**
- (ii) Kemukakan pandangan anda tentang hiburan menurut perspektif Islam. **[4 markah]**
- (b) (i) Senaraikan **empat** elemen pembentukan Negara Islam. **[4 markah]**
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara Negara Islam dengan Negara Bukan Islam. **[4 markah]**
- 4 (a) (i) Apakah maksud Alammiyyah? **[2 markah]**
- (ii) Terangkan **dua** ciri prinsip Alammiyyah. **[4 markah]**
- (b) Akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam.
- (i) Huraikan **dua** cara memupuk akhlak mulia dalam kehidupan. **[4 markah]**
- (c) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan institusi kewangan Islam? **[2 markah]**
- (ii) Senaraikan **dua** institusi kewangan Islam di Malaysia. **[2 markah]**

- (d) *Ahmad membeli sebuah kereta berharga RM 188 888 dengan pembayaran secara ansuran selama 9 tahun melalui pembiayaan perbankan Islam.*
- (i) Namakan jenis muamalah yang diamalkan dalam situasi di atas. **[1 markah]**
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah jenis muamalah tersebut menjadi pilihan mereka? **[5 markah]**
- 5 (a) (i) Apakah maksud insan? **[2 markah]**
- (ii) Jelaskan kepentingan memelihara fitrah kejadian insan. **[2 markah]**
- (b)
- 

- Mengapakah masih terdapat dalam kalangan umat Islam yang gagal melaksanakan tanggungjawab menunaikan solat seperti mana kesungguhan yang ditunjukkan dalam gambar di atas. **[6 markah]**
- (b) (i) Terangkan **dua** etika hakim. **[4 markah]**
- (c) (i) Nyatakan maksud qisas menurut Islam? **[2 markah]**
- (ii) Jelaskan kesalahan dan hukuman yang melibatkan Qisas. **[4 markah]**
- 6 (a) Islam menggalakkan umatnya agar sentiasa mengamalkan akhlak mulia dalam pergaulan.
- (i) Huraikan **dua** adab pergaulan dalam Islam. **[4 markah]**
- (ii) Senaraikan **dua** contoh sifat mahmudah dalam pergaulan. **[2 markah]**
- (b) Terangkan **dua** adab dan etika kesenian menurut Islam. **[4 markah]**
- (c) (i) Terangkan **dua** etika tadbir urus Islam. **[4 markah]**

- (ii) *“Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianti (amanah) Allah dan Rasul-Nya serta (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kamu mengetahui (salahnya).”*

(Surah al-Anfal 8:27)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, berikan pandangan anda apakah yang akan terjadi jika manusia mengabaikan larangan tersebut?

[6 markah]